

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

| | |
|----------------------------|---|
| Akta 171. | Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102(s) dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut |
| Nama dan tarikh kuatkuasa. | 1. Undang undang kecil ini hendaklah dinamakan Undang-Undang Kecil (Tred Perniagaan, dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991 dan hendaklah berkuatkuasa pada 1hb Disember 1991. |
| Tafsiran. | 2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— industri ertinya apa-apa perniagaan, tred, pengusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, penggajian pertukangan tangan atau pekerjaan perindustrian atau vokasion pekerja dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua "lesen" ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini mengenai apa-apa bentuk tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacauganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua "Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang. "Pegawai Pelesenan" ertinya Yang Dipertua Majlis; "pemegang lesen" ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-undang Kecil ini; "perniagaan" termasuklah apa-apa bentuk, tred, perdagangan, pekerjaan tangan dan kepandaian, profesion atau aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama |

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tene-
men, dan hereditamen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka
atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam
atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak oleh pihak
berkuasa berkanun;

“premis yang dilesenkan” ertinya sebarang tempat atau premis
yang baginya lesen dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini;

“tred” ertinya apa-apajenis aktiviti perdagangan yang dinyatakan
dalam jadual Pertama;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan
kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis dan termasuklah Tim-
balan Yang Dipertua.

3. Tidak seseorangpun boleh menjalankan atau memulakan apa-
apa bentuk tred, perniagaan atau perindustrian seperti yang di-
tetapkan dalam Jadual Pertama dan Kedua masing-masingnya di
mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis tanpa lesen
yang dikeluarkan untuk tujuan itu. Lesen.
4. Bayaran yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah undang-
undang kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual
Ketiga dan Keempat masing-masingnya. Fee.
5. (1) Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen hendaklah dibuat
secara bertulis kepada Pegawai Pelesenan dalam borang yang di-
tetapkan oleh Majlis. Permohonan
untuk
mendapatkan
lesen.
(2) Majlis boleh menghendaki mana-mana pemohon bagi
pengeluaran atau pembaharuan sesuatu lesen supaya hadir sendiri
atau melalui seorang wakil yang diberi kuasa semasa lesen tersebut
dikeluarkan atau dibaharui.
6. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil
ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dari masa
ke semasa. Bentuk
lesen.
7. Sesuatu lesen jika tidak dibatalkan terlebih awal oleh Majlis akan
berkuatkuasa bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Sahnya
lesen.
8. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen Majlis boleh di atas
permohonan secara bertulis yang dibuat bersama oleh pemegangnya
dan pemohon, mengeluarkan lesen atas nama pemohon sebagai
menggantikan pemegang lesen itu. Pindahmilk
lesen.
(2) Bayaran yang kena dibayar hendaklah sebanyak dua puluh
peratus daripada bayaran lesen.
9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara
tempat atau premis yang dilesenkan supaya sentiasa berada dalam
keadaan bersih. Kebersihan
10. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong atau
bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan
sampah. Mengadakan
tong sampah.

| | |
|--|---|
| Penggunaan karung plastik. | 11. Semua sampah sarap hendaklah dibungkus dalam karung plastik atau bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong atau bekas sampah. |
| Pembuangan sampah sarap. | 12. Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana diarahkan oleh Majlis. |
| Menumpahkan bahan mengganggu. | 13. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau bahan-bahan lain yang mengganggu dilonggokkan, ditumpahkan atau diserakkan ke dalam longkang atau tempat awam atau persendirian yang lain. |
| Bekalan air. | 14. Di premis yang dilesenkan hendaklah diadakan bekalan air secukupnya dari paip yang disambungkan ke sesalur utama air dari bekalan air awam. |
| Jamban pam dan tempat buang air kecil. | 15. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara dalam keadaan baik dan bilangan yang mencukupi bilik mandi, jamban pam, tempat buang air kecil dan besen mencuci tangan hingga memuaskan Majlis dipremis yang dilesenkan. |
| Pencahayaannya. | 16. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaannya yang cukup di tempat atau di bangunan itu hingga memuaskan Majlis. |
| Ganti udara. | 17. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya pengudaraan yang cukup di tempat atau premis itu hingga memuaskan Majlis dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara pengudaraan itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan. |
| Kesesakan, tidak dibenarkan. | 18. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan tidak ada kesesakan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan. |
| Peruntukan untuk mesin. | 19. Majlis boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan mencukupi seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Majlis berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan yang telah sedia ada itu tidak mencukupi. |
| Pencegahan kebakaran. | 20. Pemegang lesen hendaklah memastikan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan, perkara-perkara berikut— <ul style="list-style-type: none"> (a) bahawa kelengkapan memadam api yang cukup dipasang hingga memuaskan Majlis; (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan disenggarakan; dan (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas daripada segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibuat dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah. |

21. (1) Bahan yang mudah terbakar pelarut atau larutan hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah diluluskan. Bahan-bahan mudah terbakar.
- (2) Di mana pelarut, larutan atau bahan yang mempunyai takat kilat di bawah 22 C disimpan dalam kuantiti yang melebihi 38 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis.
22. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah merebaknya bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya. Penyimpanan.
23. Pemegang lesen hendaklah jangan membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Majlis. Pembakaran.
24. Pemegang lesen hendaklah jangan menyebabkan, membiarkan membenarkan atau mengizinkan penyebaran abuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, usap atau jelaga dari tempat atau premis yang dilesenkan yang mana jumlahnya pada pendapat Majlis adalah suatu kacauganggu atau yang mencemarkan udara. Penyebaran abuk, deh.
25. Pemegang lesen semasa menjalankan trednya hendaklah jangan membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacauganggu. Bising.
26. Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tidak boleh dijalankan di tempat atau premis yang dilesenkan melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan sedemikian. Waktu menjalankan perniagaan dsb.
27. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh— Kuasa untuk memeriksa.
- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Majlis atau pegawainya percaya dengan munasabah digunakan bagi maksud tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki dibawah undang-undang kecil ini;
- (b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjaanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.
28. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Penalti.

- Pemansuhan. 29. Undang-undang kecil berikut adalah dimansuhkan—
- (1) Municipality of George Town, Penang By-Laws with respect to Offensive and Dangerous Trades, 1905.
 - (2) Municipality of George Town, Penang By-Laws with respect to Market Gardeners, 1908.
 - (3) Municipality of George Town, Penang, By-Laws regulating the Trade of Fowl Selling, 1916.
 - (4) Municipality of George Town, Penang, By-Laws with respect to the Use of and Storage of Cellulose Solutions, 1931 (Seksyen 3 sahaja).
 - (5) Municipality of George Town, Penang, By-Laws for the Regulation of Places used for the Making and Storage of Fireworks and Matches, 1935 (Seksyen 13 sahaja)
 - (6) Municipality of George Town, Penang, Boarding Houses. (Penang) By-Laws, 1936.
 - (7) Municipality of George Town, Penang, By-Laws with Respect to Common Lodging Houses, 1937.
 - (8) The Penang Rural Board Common Lodging House By-Laws 1939.
 - (9) The Penang Rural Board Boarding House By-Laws, 1949
 - (10) The Rural Board, Penang, Duck-Farm By-Laws 1951.
 - (11) City Council of George Town, Penang, By-Laws for the Control of Tyre Retreading and Vulcanising Works, 1959.
 - (12) Rural District Council, Penang Island, Dangerous, Unhealthy or Offensive Trades and Garage By-Laws, 1962 (Bahagian A, B & D dari Schedule A sahaja)
 - (13) The Penang Rural District Council Laundries By-Laws, 1962.
 - (14) Municipality of George Town, Penang, By-Laws for the Control of Storage of Calcium Carbide, 1940.
 - (15) Municipality of George Town, Penang, By-Laws for the Regulation of the Transport, Storage and Sale of Dangerous Liquids and Substances, 1948.

JADUAL PERTAMA
(Tred dan Perniagaan)

1. Akuarium, tempat pemeliharaan burung, pet shop, taxidermist.
2. Mengumpul dan menyimpan bahan-bahan bangunan, kotak, botol, tin, tong, karung guni, bulu, dan barang-barang lusuh.
3. Dobi dan cuci kering.

4. Kedai besi.
5. Kedai gunting rambut, kedai kerinting rambut.
6. Kedai perjudian.
7. Krematorium, tanah perkuburan, tempat menyimpan abu mayat
8. Membuat keranda.
9. Pembekal untuk kapal.
10. Pemunggal kapal.
11. Penjual bunga.
12. Pertukangan termasuk tukang besi, timah, perak dan mas.
13. Rumah convalesen.
14. Rumah tumpangan dan hotel.
15. Rumah tumpangan biasa.
16. Salon urut muka, kecantikan dan menjaga kecergasan.
17. Studio gambar dan memproses filem.
18. Tempat percetakan.
19. Tukang jahit.
20. Sebarang tred atau perniagaan yang di jangka menimbul kecederaan pada kesihatan atau merbahaya pada jiwa atau darimana mengganggu atau bau busuk terbit atau darinya bunyi bisung berlebihan dikeluarkan.

JADUAL KEDUA
(Industri)

- (A) Barang-Barang Getah, Plastik, Pelekat dan Kulit
1. Alat-alat perancangan keluarga.
 2. Bahan-bahan kulit.
 3. Barang-barang dari bahan-bahan plastik dan P.V.C.
 4. Beg polithene.
 5. Foam getah.
 6. Kasut, selipar dan kasut yang lain jenisnya kecuali kasut terompali.
 7. Mencilup tayar.
 8. Perusahaan kulit.
 9. Pita pelikat & bahan pelikat.
 10. Sarong tangan getah dan topi.
 11. Tayar dan tiub.
 12. Barang getah, plastik atau kulit yang lain.

(B) Kain dan Hasil Jerami

1. Barang-barang daripada kain.
2. Batek.
3. Fabrik sintatik dan keluaran yang berkaitan.
4. Kapas dan benang tiruan.
5. Mencelup dan mencap kain.
6. Mengait dan menenun.
7. Pakaian.
8. Tali.
9. Tali benang, bulu kambing, tali guni dan jermai asli yang lain.
10. Keluaran kain atau fabrik yang lain.

(C) Bahan-Bahan Kimia

1. Asid, alkali, pelarut dan damar pelekat.
2. Baja.
3. Bunga api, mercun dan bahan letupan lain.
4. Cat.
5. Cecair merbahaya melebihi 19 liter atau bahan-bahan merbahaya melebihi 23 kg. berat atau 1 silinder atau lebih sebarang jenis gas.
6. Hasil farmaceutis dan hasil lain yang berkaitan.
7. Hasil-hasil petrolium.
8. Kalsium karbaid.
9. Minyak pelincir injin dan keluaran yang serupa.
10. Mancis (lebih 1440).
11. Petrolium, diesel atau minyak tanah dan hasil keluarannya.
12. Racun serangga, racun herba, racun makhluk porosak, umpan kimia dan pengusir vektor.
13. Sebarang industri lain yang berkaitan dengan hasil kimia.

(D) Bahan-Bahan Logam

1. Aloi amalgam termasuk bahan logam yang lain.
2. Automobil dan Jentera—barang-barang ganti dan aksesori.
3. Barang-barang daripada aluminium, tembaga, besi, keluli, timah putih dan logam-logam lain.
4. Barang-barang daripada pewter emas, perak dan tembaga.
5. Basikal dan jentera ringan yang lain.
6. Dawai kawat, dawai mata punai dan pagar dawai rangkap.
7. Kenderaan bermotor, traktor, forklift dan jentera berat.
8. Kerja 'electroplating'.
9. Kilang besi dan kerja-kerja logam yang lain.

-
10. Kontena (freight).
 11. Logam bernilai dan batu permata.
 12. Lombong logam.
 13. Motosikal dan skuter.
 14. Nat, bol, paku dan barang-barang berkaitan.
 15. Pam dan penapis.
 16. Peleburan bijih timah, besi dan logam yang lain.
 17. Tin.
 18. Industri yang lain yang melibatkan hasil logam.
- (E) Bahan-bahan Pembinaan dan Bangunan
1. Asbestos dan zink (keping dan bord).
 2. Bahan-bahan binaan untuk pembinaan segera.
 3. Batu-bata.
 4. Formika.
 5. Genting (lantai, dinding, bumbung).
 6. Kapur.
 7. Kerja batu (dengan jentera).
 8. Kerja pemindahan tanah secara berjentera.
 9. Kuari.
 10. Loji 'crusher' dan jentera.
 11. Lombong pasir.
 12. Papan lapis.
 13. Simen.
 14. Industri yang lain berkaitan dengan bahan-bahan bangunan dan pembinaan.
- (F) Perkebunan dan Pemeliharaan Binatang
1. Kebun bunga (termasuk ladang orkid).
 2. Ladang ayam dan itek.
 3. Ladang ikan dan udang.
 4. Ladang katak dan reptilia.
 5. Rumah anjing.
 6. Semaian kebun bunga.
 7. Tempat menetas.
 8. Ternakan kuda.
- (G) Hasil Pertanian
1. Getah.
 2. Hasil kebun.

3. Kayu.
4. Makanan binatang.
5. Tembakau.
6. Hasil pertanian yang lain.

(H) Peralatan dan Perkakas Rumah dan Pejabat .

1. Alatulis.
2. Alat solek dan barang-barang dandanan diri atau kebersihan diri.
3. Bingkai Payung dan alat-alat gantian.
4. Dakwat.
5. Detergen, bahan pencuci dan bahan berkaitan.
6. Flask termos.
7. Ketuhar.
8. Lilin, lemak, pelekat dan sabun.
9. Pasu, pinggan mangkok dan periok belanga.
10. Penyaman udara.
11. Peralatan pejabat dan barang-barang bersangkutan dengannya.
12. Peralatan rumah termasuk mesin jahit, mesin membasuh kain dan mesin hampagas.
13. Permaidani.
14. Perabut dan hiasan rumah.
15. Peti sejuk.
16. Rekod dan pita.
17. Peralatan rumah atau pejabat yang lain.

(I) Hasil-hasil lain

1. Alat-alat elektronik dan elektrik.
2. Alat-alat sukan.
3. Bahan kaca gentian.
4. Barang-barang kayu.
5. Bateri.
6. Batu arang, arang, atap dan bahan-bahan berkaitan yang mudah dibakar.
7. Bengkel-bengkel.
8. Depo besi buruk.
9. Depo kapal.
10. Gabus dan lain-lain penyumbat.
11. Gaharu, kertas sembahyang dan barang-barang berkaitan.

12. Gudang.
13. Hasil-hasil kaca.
14. Hasil kertas.
15. Kabel dan dawai.
16. Kerja kejuruteraan, elektrik atau mekanik.
17. Kilang makanan ternakan.
18. Kilang papan.
19. Memotong kaca dan membingkai gambar.
20. Mengawal karat.
21. Mengulang guna bahan terpakai.
22. Permainan kanak-kanak.
23. Rotan, buluh dan barang-barang rotan.
24. Pembinaan sampian dan bot kecil.
25. Sebarang pembuatan atau tred lain yang mendatangkan kecederaan pada kesihatan atau merbahaya pada jiwa atau dari mana ganggu atau menimbulkan bau busuk atau bunyi bising yang berlebihan atau di mana kawalan mutu cecair keluar dikehendaki.

JADUAL KETIGA

(Bayaran tahunan untuk lesen bagi Tred dan Perniagaan seperti ditetapkan di dalam Jadual Pertama)

| | \$ sen |
|---|--------|
| 1. Akuarium, tempat pemeliharaan burung, Pet shop, taxidermist | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 2. Mengumpul atau menyimpan bahan-bahan bangunan, kotak, botok, tin, tong drum, karung guni, bulu, surat khabar dan besi buruk. | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 3. Dobi dan cuci kering | |
| (a) 50 m. p. s. dan ke bawah | 50 00 |
| (b) lebih dari 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 120 00 |
| (c) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 4. Kedai besi | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |

| | \$ seri |
|--|--|
| 5. Kedai gunting rambut, kedai kerinting rambut | |
| (a) 50 m. p. s. dan ke bawah | 50 00 |
| (b) lebih dari 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 120 00 |
| (c) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 6. Kedai perjudian | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 240 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 480 00 |
| 7. Krematorium, tanah perkuburan, tempat menyimpan abu mayat | 240 00 |
| 8. Membuat keranda | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 9. Pembekal kapal | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 10. Pemunggal kapal | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 11. Penjual Bunga | |
| (a) 50 m. p. s. dan ke bawah | 50 00 |
| (b) lebih dari 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 120 00 |
| (c) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 12. Pertukangan termasuk tukang besi, timah, perak dan mas | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 13. Rumah convalesen (kadar minima) | 240 00 |
| | (sehingga 10 katil) setiap katil tambahan 20 00 |
| 14. Rumah tumpangan dan hotel (kadar minima) | 240 00 |
| | (sehingga 30 bilik) setiap bilik tambahan 5 00 |

| | \$ sen |
|---|---|
| 15. Rumah tumpangan biasa (kadar minima) | 120 00 (sehingga 20 katil) setiap katil tambahan 3 00 |
| 16. Salon urut muka, kecantikan dan menjaga kecergasan | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 17. Studio gambar dan memproses filem | |
| (a) 50 m. p. s. dan ke bawah | 50 00 |
| (b) lebih dari 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 120 00 |
| (c) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 18. Tempat percetakan | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 240 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 480 00 |
| 19. Tukang jahit | |
| (a) 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 50 00 |
| (b) lebih dari 50 m. p. s. hingga 90 m. p. s. | 120 00 |
| (c) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |
| 20. Sebarang tred atau bisnis yang dijangka menimbulkan kecederaan pada kesihatan atau merbahaya pada jiwa atau darimana meng- ganggu atau bau busuk terbit atau darinya bunyi bising berlebihan dikeluarkan. | |
| (a) 90 m. p. s. dan ke bawah | 120 00 |
| (b) lebih dari 90 m. p. s. | 240 00 |

JADUAL KEEMPAT

(Bayaran tahunan untuk lesen untuk perindustrian seperti di-
tetapkan di dalam Jadual Kedua)

| Aktiviti/Saiz (1) | Pembuatan/ Pemrosesan/ Pembelian/ Penyimpanan (2) | Jualan Runcit/ Perkhidmatan (3) |
|---|---|--|
| | \$ sen | \$ sen |
| (a) 100 meter persegi dan ke bawah | 240 00 | 180 00 |
| (b) lebih 100 meter persegi hingga 200 meter persegi | 360 00 | 270 00 |

| (1) | (2) | (3) |
|--|--------|--------|
| | \$ sen | \$ sen |
| (c) lebih 200 meter persegi hingga 300 meter persegi | 480 00 | 360 00 |
| (d) setiap 50 meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya | 80 00 | 60 00 |

Bayaran lesen akan dikenakan cuma kepada aktiviti-aktiviti utama dalam kategori yang sama pada premis yang sama.

Diperbuat pada 24hb Oktober 1991.

DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIF,
*Pemangku Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,
Pulau Pinang*

Disahkan pada 22hb April 1992.

[PSUK/PP/004. 5.1.25 (PU/PP 1126 BAH.23).]

NG WEE KOK,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang*